

01 JUL 2002

SALOMON-PERALIHAN/I

RANCANGAN PERALIHAN TINGKATKAN KUALITI KREDIT KEDAULATAN MALAYSIA

SINGAPURA, 1 Julai (Bernama) -- Salomon Smith Barney melihat rancangan peralihan kuasa Malaysia sebagai satu perkembangan yang positif bagi kualiti kredit kedaulatan negara.

"Rancangan peralihan kuasa ini menandakan satu transisi kuasa dalam dimensi sejarah bagi Malaysia," katanya dalam laporan Asian Economic Weekly mengenai Malaysia.

Rancangan peralihan kuasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya, menyediakan penyerahan kuasa secara teratur kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kini merupakan Timbalan Perdana Menteri, yang dilihat secara meluas sebagai pemimpin yang berkebolehan dengan pandangan politik yang sederhana.

"Kami terus menjangka peningkatan bagi Malaysia dalam suku ketiga tahun ini, dimulakan oleh Moody's," tambahnya.--BERNAMA

SS SHY NHD